



**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2024**

---

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK PENGUKURAN MUKTAMAD SEMPADAN  
LUAR HUTAN SIMPANAN KEKAL DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

---

## **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk menyeragamkan pelaksanaan projek pengukuran muktamad sempadan luar Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia yang akan menjadi rujukan bagi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri (JPN), Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) dan semua pihak berkepentingan.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

Hutan merupakan salah satu komponen terpenting di dalam sistem biofizikal di negara ini. Fungsi hutan bukan sekadar memberikan perkhidmatan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang penting kepada kesejahteraan rakyat, malah ia juga berperanan mengawal fenomena perubahan iklim melalui penyimpanan karbon, membekal sumber air bersih untuk minuman dan kegunaan pertanian, kawalan banjir serta pemeliharaan sumber biodiversiti. *Food and Agriculture Organization* di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mendefinisikan hutan sebagai sesuatu kawasan tanah melebihi 0.5 hektar yang ditumbuh dengan pokok-pokok di mana ketinggiannya boleh mencapai sekurang-kurangnya 5 meter tinggi pada usia matang dan silaranya meliputi kawasan sekurang-kurangnya 10% tidak termasuk kawasan tanah yang sebahagian besarnya di bawah guna tanah pertanian dan bandar.

Pada 21 Mac 2021, Dasar Perhutanan Malaysia telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin yang merangkumi Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM), Dasar Hutan Sabah dan Dasar Hutan Sarawak. Penggubalan Dasar ini adalah selaras dengan komitmen Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk mencapai pertumbuhan mampan dan seiring dengan perkembangan terkini yang berlaku dalam sektor perhutanan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Bagi pelaksanaan di Semenanjung Malaysia, DPSM menggantikan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) sebagai panduan dalam menjamin pengekalan khazanah hutan bagi mengurus dan membangunkan sumber hutan secara mampan selaras dengan keperluan sosial, ekonomi dan alam sekitar. Kenyataan dasar yang terkandung dalam DPSM menyatakan "Malaysia mengiktiraf hutan sebagai khazanah warisan negara yang strategik dan komited untuk mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi bagi kepentingan perkhidmatan ekosistem hutan, konservasi kepelbagaiannya biologi, perlindungan alam sekitar dan penggunaan sumber secara berkekalan ke arah pembangunan sosio ekonomi negara dan kesejahteraan generasi kini dan akan datang".

DPSM bertujuan membantu pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, akademik, institusi penyelidikan, sektor swasta dan masyarakat dalam merealisasikan strategi yang dirangka bagi mencapai setiap objektif DPSM kepada pelan tindakan. Strategi dan pelan tindakan telah dirangka bagi menangani masalah dan perkara berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan sumber hutan pada masa kini. Penekanan adalah untuk menstruktur program kerja yang akan memperkasa tadbir urus sedia ada, menangani jurang dan kekangan yang wujud. Pengurusan sumber hutan akan dijadikan keutamaan dengan memberi penekanan terhadap keseragaman perundangan, garis panduan yang mengawal piawaian dan amalan serta memperkuuh dan menambah baik pengetahuan dan teknologi sedia ada.

Antara objektif DPSM yang digariskan adalah mengekalkan keluasan kawasan berhutan yang mencukupi berdasarkan tadbir urus yang baik melalui perancangan guna tanah yang cekap. Manakala di bawah Teras 1: Kelestarian Sumber Hutan, terdapat beberapa strategi dan pelan tindakan yang memberi tumpuan kepada pemerkasaan tadbir urus terutamanya kawasan HSK.

Mengikut tafsiran Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313), HSK adalah mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan suatu HSK di bawah Akta 313. Seksyen 7, Akta 313 menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh menjadikan mana-mana tanah sebagai suatu HSK dengan menyiaran dalam Warta suatu pemberitahuan. Prosedur penubuhan HSK dijelaskan dalam Kaedah 8, Kaedah-Kaedah Hutan (KKH) di mana bagi maksud-maksud menjadikan mana-mana tanah sebagai suatu HSK di bawah Seksyen 7 Akta 313, prosedur yang berikut hendaklah diikuti:

- (a) Pengarah hendaklah mengemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian (PTG) cadangan untuk mewujudkan suatu HSK yang mana hendaklah mengandungi keterangan ringkas mengenai kawasan itu bersama dengan pelan-pelan yang relevan yang menunjukkan sempadan-sempadan luar kawasan itu;
- (b) PTG, apabila menerima cadangan daripada pengarah di perenggan (a), hendaklah dalam masa 30 hari dari tarikh penerimaan cadangan itu, merujukkan cadangan itu kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang relevan bagi mendapatkan ulasan-ulasan mereka dan menghendaki supaya ulasan-ulasan itu dikemukakan kepadanya dalam masa 60 hari;
- (c) PTG hendaklah menyediakan suatu laporan mengenai cadangan itu dan mengemukakannya kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam masa 30 hari dari tarikh dia menerima semua ulasan yang dikehendaki di bawah perenggan (b);

- (d) PBN, selepas itu, hendaklah menimbangkan cadangan yang dirujukkan kepadanya dan jika ia menerima cadangan itu, ia hendaklah, sesuai dengan itu, menjadikan tanah itu suatu HSK dengan menyiaran suatu pemberitahuannya di dalam Warta.

Manakala menurut Kaedah 9, KKH, apabila tersiarnya pemberitahuan di dalam Warta yang disebut dalam Subkaedah 8(d), KKH, Pengarah hendaklah, dengan seberapa segera, memulakan kerja menanda sempadan-sempadan luar tanah yang dijadikan HSK itu dan hendaklah bertanggungjawab mengenai pengawalan dan penyeliaan HSK itu pada keseluruhannya menurut Akta 313. Setelah sesuatu HSK diwartakan, sempadan luar perlu dikenal pasti dan ditanda mengikut keperluan di bawah Kaedah 9, KKH. Sempadan ini hendaklah diukur berdasarkan perundangan dan peraturan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) yang sedang berkuat kuasa.

### **3.0 PELAKSANAAN PROJEK PENGUKURAN MUKTAMAD SEMPADAN LUAR HUTAN SIMPANAN KEKAL DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Pelaksanaan Projek Pengukuran Muktamad Sempadan Luar HSK di Semenanjung Malaysia memerlukan kepakaran dan kemahiran yang khusus dalam bidang pengukuran kadaster bagi kerja-kerja cerapan di lapangan, hitungan, semakan, penyediaan lukisan dan kelulusan. Berhubung pelaksanaan projek ini, khidmat Juruukur Tanah Berlesen (JTB) diperlukan terhadap pertimbangan faktor seperti yang berikut:

- (i) JPSM, JPN dan JPWP bukan agensi yang diiktiraf untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran halus tanah bagi tujuan penyediaan Pelan Akui (PA); dan
- (ii) JTB adalah entiti yang diiktiraf oleh Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJTM) dan JUPEM untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran halus tanah selaras dengan Kanun Tanah Negara (Akta 828) dan Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458).

Melalui beberapa siri mesyuarat dan perbincangan di peringkat JPSM dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, JPSM telah diarahkan untuk menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pengukuran Muktamad Sempadan Luar HSK di Semenanjung Malaysia. Penyediaan garis panduan ini adalah sebagai salah satu tindakan korektif dan penyelesaian terhadap isu kelewatan pelaksanaan kerja-kerja pengukuran muktamad sempadan luar HSK. Penyediaan garis panduan ini juga bertujuan untuk menyelaras pelaksanaan projek dan sebagai rujukan kepada JPSM, JPN, JPWP dan semua pihak berkepentingan yang terlibat.

### **3.1 Prosedur Pelantikan Juruukur Tanah Berlesen Bagi Melaksanakan Projek Pengukuran Muktamad Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal Di Semenanjung Malaysia**

- 3.1.1 JPSM / JPN / JPWP hendaklah mengenal pasti sempadan luar HSK yang memerlukan pengukuran muktamad mengambil kira sempadan Mukim, Daerah / Jajahan dan Negeri bagi setiap HSK yang terlibat serta keperluan peruntukan bagi membayai pelaksanaan kerja-kerja pengukuran muktamad oleh JTB terlebih dahulu. Sekiranya pengukuran muktamad melibatkan kawasan HSK yang diwarta keluar, kos pengukuran muktamad dibiayai oleh pihak yang memiliki kawasan tersebut. Kadar fi yang terlibat boleh dirujuk dengan Jadual Ketiga Belas Akta 458 Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2019 [P.U. (A) 66/2019] atau undang-undang yang sedang berkuat kuasa.
- 3.1.2 Penetapan tempoh masa kerja-kerja pengukuran adalah bergantung kepada jumlah jarak, bentuk muka bumi, peruntukan yang tersedia dan keupayaan JTB. JPSM / JPN / JPWP perlu menetapkan pelaksanaan mengambil kira tempoh masa maksimum dua (2) tahun bagi jarak 20 km.

- 3.1.3 Proses perlantikan JTB oleh JPSM / JPN / JPWP adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia berkaitan Perolehan Perunding yang berkuat kuasa serta tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) masing-masing.
- 3.1.4 Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan oleh JPSM / JPN / JPWP kepada JTB yang diluluskan oleh PBM. Bersama-sama SST ini disertakan dokumen-dokumen lain seperti Terma Rujukan, spesifikasi kerja dan sebagainya.
- 3.1.5 JTB yang berjaya perlu mengembalikan SST yang telah dikemukakan kepada JPSM / JPN / JPWP untuk tindakan selanjutnya berdasarkan prosedur kewangan yang berkuat kuasa. Selain SST, JTB juga perlu mengemukakan dokumen-dokumen lain yang berkaitan bagi tindakan penyaluran peruntukan melalui akaun LJT.
- 3.1.6 Setelah dokumen-dokumen diterima dengan lengkap, JPSM/JPN/ JPWP akan mengambil tindakan penyaluran peruntukan kepada akaun LJT mengikut prosedur yang berkuat kuasa serta tertakluk kepada keputusan PBN masing-masing.
- 3.1.7 JPSM/JPN/JPWP menguruskan penyediaan dokumen perjanjian untuk ditandatangani bersama JTB.
- 3.1.8 Carta alir Prosedur Pelantikan JTB Bagi Melaksanakan Projek Pengukuran Muktamad Sempadan Luar HSK di Semenanjung Malaysia adalah seperti pada **Lampiran A**.

**3.2 Prosedur Kerja-Kerja Pengukuran Muktamad Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal Di Semenanjung Malaysia Oleh Juruukur Tanah Berlesen**

**Penyediaan Pelan Pra-Hitungan**

- 3.2.1 JTB perlu menyediakan Pelan Pra-Hitungan dengan membuat rujukan awal dengan JPN / JPWP, Pentadbir Tanah dan JUPEM. JPN/JPWP perlu membekalkan apa-apa dokumen yang berkaitan bagi tujuan tersebut. JTB perlu menyediakan Pelan Pra-Hitungan pada skala bersesuaian dan mengemukakan Pelan Pra-Hitungan tersebut kepada JPN / JPWP yang terlibat untuk disemak dan disahkan. Pelan Pra-Hitungan hendaklah ditandatangan oleh JTB, dan JPN / JPWP dalam tempoh 60 hari daripada tarikh SST.
- 3.2.2 JTB melalui JPN / JPWP perlu mengemukakan Pelan Pra-Hitungan yang telah ditandatangan oleh JTB dan JPN / JPWP beserta Pelan Pra-Hitungan digital kepada Pentadbir Tanah untuk pengesahan sebelum kerja-kerja pengukuran muktamad di lapangan dijalankan.
- 3.2.3 Sekiranya terdapat pindaan daripada Pentadbir Tanah, JTB hendaklah mengambil tindakan pembetulan dan mengemukakan semula Pelan Pra-Hitungan kepada JPN / JPWP dalam tempoh 30 hari untuk dikemukakan semula kepada Pentadbir Tanah untuk disahkan.
- 3.2.4 Sekiranya tiada maklum balas diterima daripada Pentadbir Tanah dalam tempoh 60 hari daripada tarikh serahan maka JPN / JPWP perlu mengadakan konsultasi bersama pihak Pentadbir Tanah dan JTB sehingga Pelan Pra-Hitungan disahkan.

- 3.2.5 Setelah mendapat pengesahan daripada Pentadbir Tanah, JTB hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen kelulusan iaitu surat kelulusan Pentadbir Tanah, surat lantikan JPN, Pelan Pra-Hitungan yang disahkan oleh Pentadbir Tanah, terma rujukan dan baucar bayaran / EFT / resit kepada LJTM bagi proses pengeluaran Sijil Perakuan Deposit Fi Ukur. JTB juga perlu mengemukakan salinan Pelan Pra-Hitungan yang telah disahkan oleh Petadbir Tanah kepada JPN / JPWP.
- 3.2.6 JTB hendaklah memohon nombor Lot atau fail trabas daripada JUPEM dalam tempoh 30 hari daripada tarikh Sijil Perakuan Deposit Fi Ukur dikeluarkan oleh LJTM.

#### **Kerja-kerja Pengukuran Muktamad**

- 3.2.7 JTB hendaklah memohon permit memasuki HSK daripada Pejabat Hutan Daerah / Pejabat Hutan Jajahan bagi HSK yang terlibat dengan kerja-kerja pengukuran muktamad sebelum memulakan kerja-kerja pengukuran muktamad di lapangan selaras dengan Seksyen 47 Akta 313.
- 3.2.8 JTB menjalankan kerja-kerja pengukuran muktamad sempadan luar HSK mengikut Pelan Pra-Hitungan berdasarkan Kanun Tanah Negara dan Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa.
- 3.2.9 JTB hendaklah mengemukakan kemajuan pelaksanaan kerja-kerja pengukuran muktamad kepada JPN / JPWP dengan menyedia dan menghantar laporan kemajuan kerja berserta gambar (rujuk **Lampiran B1 – Borang Kemajuan Kerja**) setiap tiga (3) bulan dan disertakan pelan yang menunjukkan sempadan dan nombor-nombor stesen yang telah diukur dan ditanda di lapangan untuk disemak oleh pegawai JPN / JPWP yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan atau setara dengannya.

3.2.10 JTB hendaklah membuat permohonan semakan pengesahan tanda-tanda sempadan di lapangan secara bertulis kepada JPN / JPWP setelah kerja-kerja pengukuran muktamad siap dilaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya dan mengemukakan Borang LJT 14A seperti format pada **Lampiran C1** untuk pengesahan. Sekiranya:

- (i) semakan tanda-tanda sempadan di lapangan tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh terima surat permohonan semakan pengesahan tanda-tanda sempadan di lapangan, JTB hendaklah memaklumkan kepada JPN / JPWP dan LJTM. JPN / JPWP perlu mengadakan konsultasi bersama pihak JTB dan LJTM sehingga semakan pengesahan tanda-tanda sempadan di lapangan dapat dilaksanakan; dan
- (ii) pengesahan Borang LJT 14A tidak dapat disahkan dalam tempoh 14 hari berkerja dari tarikh semakan tanda-tanda sempadan di lapangan siap dilaksanakan, JPN / JPWP perlu mengadakan konsultasi bersama pihak JTB dan LJTM sehingga Borang LJT 14A disahkan.

3.2.11 Semakan pengesahan tanda-tanda sempadan di lapangan hendaklah dilaksanakan oleh pegawai JPN / JPWP yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pemelihara Hutan / Renjer Hutan dan pihak JTB perlu hadir semasa semakan tersebut dibuat. Pegawai JPN / JPWP yang melaksanakan semakan tersebut hendaklah menyemak sekurang-kurangnya 30% daripada panjang keseluruhan kerja pengukuran muktamad dan mengemukakan laporan semakan kerja-kerja pengukuran muktamad di lapangan kepada Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) atau Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan (PPWP).

- 3.2.12 PPN, PPWP atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya hendaklah menyemak dan mengesahkan laporan semakan kerja-kerja pengukuran muktamad di lapangan serta Borang LJT 14A bagi tujuan kelulusan.
- 3.2.13 Setelah diluluskan, JTB hendaklah mengemukakan data ukuran dalam bentuk JUPEM ASCII kepada JUPEM Negeri untuk semakan kualiti bagi kelulusan PA oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri.
- 3.2.14 Sekiranya terdapat nota pertanyaan daripada JUPEM Negeri, maka JTB hendaklah mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 6 Tahun 2009 : Garis Panduan Amalan Kerja Ukur Kadester Dalam Persekutuan eKadaster yang berkuat kuasa di JUPEM Negeri dengan mengemukakannya semula kepada JUPEM Negeri untuk semakan serta kelulusan. JUPEM Negeri perlu memaklumkan kepada JPN sekiranya JTB tidak mengambil tindakan terhadap nota pertanyaan supaya JPN / JPWP mengadakan konsultasi bersama pihak JUPEM Negeri dan JTB sehingga PA diluluskan.
- 3.2.15 Setelah PA diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri, JTB hendaklah mengemukakan salinan PA diluluskan bersama data digital kepada JPN / JPWP. JPN / JPWP hendaklah mengeluarkan surat pengesahan kepada JTB dalam tempoh 30 hari daripada tarikh salinan PA diluluskan diterima daripada JTB.
- 3.2.16 JPN / JPWP hendaklah memajukan PA kepada PTG / Pentadbir Tanah untuk proses pewartaan semula sebagai HSK.
- 3.2.17 JPN / JPWP perlu mengeluarkan SST baru sekiranya JTB yang sedang melakukan kerja-kerja pengukuran dikeluarkan daripada daftar di LJTM.

3.2.18 Carta alir Prosedur Kerja-Kerja Pengukuran Muktamad Sempadan Luar HSK Di Semenanjung Malaysia Oleh JTB adalah seperti pada **Lampiran B2.**

**3.3 Peringkat Bayaran Kemajuan Bagi Projek Pengukuran Muktamad Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal Di Semenanjung Malaysia**

3.3.1 Bayaran kemajuan kerja ukur akan dibuat kepada JTB berdasarkan kepada Pekeliling Lembaga Juruukur Tanah Malaysia yang sedang berkuat kuasa.

3.3.2 Carta alir Peringkat Bayaran Kemajuan Bagi Projek Pengukuran Muktamad Sempadan Luar HSK Di Semenanjung Malaysia adalah seperti pada **Lampiran C2.**

**4.0 TERMINOLOGI**

Hutan Simpanan Kekal : Seksyen 2, Akta 313, "hutan simpanan kekal" ertinya mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan suatu hutan simpanan kekal di bawah Akta ini.

Pengarah : Pengarah Perhutanan Negeri yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta 313.

Pentadbir Tanah : Seksyen 5, Kanun Tanah Negara (Akta 828), "Pentadbir Tanah" ertinya Pentadbir tanah bagi hasil yang dilantik di bawahnya dan berhubung dengan mana-mana tanah kepada Pentadbir Tanah hendaklah disifatkan sebagai rujukan kepada Pentadbir Tanah atau mana-mana Pentadbir Tanah Daerah yang mempunyai bidang kuasa dalam daerah atau daerah kecil di mana tanah itu terletak.

## **5.0 SINGKATAN**

|       |   |
|-------|---|
| HSK   | : Hutan Simpanan Kekal                    |
| JTB   | : Juruukur Tanah Berlesen                 |
| JUPEM | : Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia      |
| JPN   | : Jabatan Perhutanan Negeri               |
| JPSM  | : Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia |
| JPWP  | : Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan  |
| KKH   | : Kaerah-kaerah Hutan                     |
| PA    | : Pelan Akui                              |
| PBM   | : Pihak Berkuasa Melulus                  |
| PBN   | : Pihak Berkuasa Negeri                   |
| PPN   | : Pengarah Perhutanan Negeri              |
| PPWP  | : Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan |
| PTG   | : Pengarah Tanah dan Galian               |
| SST   | : Surat Setuju Terima                     |
| LJTM  | : Lembaga Jurukur Tanah Malaysia          |

## **6.0 PEMAKAIAN**

- 6.1 Pelaksanaan Garis Panduan ini adalah terpakai di peringkat JPSM / JPN / JPWP.
- 6.2 Pemakaian Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang bertulis dan prosedur kewangan yang terpakai dan berkuat kuasa.

## 7.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini terpakai di JPSM / JPN / JPWP pada tarikh di mana Garis Panduan ini dikeluarkan.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' INDERA MOHD RIDZA BIN AWANG)

Ketua Pengarah Perhutanan


Semenanjung Malaysia

Bertarikh:

13/2/2024

## Lampiran A

### CARTA ALIR PROSEDUR PELANTIKAN JURUUKUR TANAH BERLESEN (JTB) BAGI MELAKSANAKAN PROJEK PENGUKURAN MUKTAMAD SEMPADAN LUAR HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DI SEMENANJUNG MALAYSIA



**Lampiran B1**

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI.....**  
**LAPORAN KEMAJUAN KERJA**

No. Rujukan Perolehan : .....

Hutan Simpan Kekal : .....

1. Sempadan yang diukur : (disertakan gambar dan tunjukkan atas pelan)

No. Stesen : ..... Hingga No. Stesen : .....

Tarikh mula : ..... Tarikh siap : .....

2. Jumlah jarak diukur : .....

3. Jumlah batu sempadan ditanam : .....

4. Purata jarak antara batu : .....

5. Cara pengukuran : .....

| Bil. | Dari Stesen | Ke Stesen | Bearing (°) | Jarak (meter) | Batu baru ditanam (tanda /) | Batu lama Dijumpai (tanda /) | Catatan |
|------|-------------|-----------|-------------|---------------|-----------------------------|------------------------------|---------|
|      |             |           |             |               |                             |                              |         |

Disediakan Oleh :

Tandatangan : .....

Nama Pegawai Pelapor : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....

Disahkan Oleh :

Tandatangan : .....

Nama Pegawai Pengesah : .....

Jawatan : .....


Tarikh : .....

Cop Jabatan: .....

\*Pegawai Pengesah perlulah tidak rendah daripada Pengawas Hutan.

**CARTA ALIR PROSEDUR KERJA-KERJA PENGUKURAN MUKTAMAD SEMPADAN LUAR HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**Penyediaan Pelan Pra-Hitungan**



### **Kerja-kerja Pengukuran Muktamad**

